

53

Faks : 237605

Tel :

252692

Bil : KEW(S) 300-7/2 KLT. 9/( 122 )

Tarikh : 01 November 2007



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MEMBELI DAN MEMUNGUT TAYAR-TAYAR LAMA YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DARIPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2007/2008**

**1. TUJUAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengadakan satu (1) kontrak pemungutan dan penjualan tayar-tayar lama yang telah dipakai dan tidak boleh digunakan lagi milik Kerajaan Negeri yang berada di bawah jagaan semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah.

**2. NO. KONTRAK**

KEW 1/2007

**3. BUTIR-BUTIR PERLANTIKAN KONTRAKTOR DAN KAWASAN-KAWASAN PEMUNGUTAN**

Perlantikan kontraktor dibuat mengikut di mana setiap kontraktor yang dilantik diberi kuasa untuk memungut dan membeli tayar-tayar lama yang tidak boleh digunakan lagi mengikut kawasan yang telah ditetapkan seperti berikut:-

**Bahagian Pantai Barat**

Kawasan pemungutan: Bahagian Pantai Barat (Kota Kinabalu, Papar, Tuaran, Ranau dan Kota Belud)

52

**SYARIKAT BERSAUDARA ENTERPRISE**

Kg. Berungis Tuaran  
D/a. Razali Amit  
Lembaga Letrik Sabah  
TUARAN, SABAH

**Bahagian Tawau**

Kawasan pemungutan: Bahagian Tawau (Daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak)

**PROTECT TRADING CO**

Jalan Pantai Emas  
Kg. Payas-Payas  
KOTA BELUD

**Bahagian Sandakan**

Kawasan Pemungutan: Bahagian Sandakan (Daerah Sandakan, Kinabatangan, Beluran dan Telupid)

**ALTERNATIVE TRADING CO**

Lot 2, Blok G, Ground Floor  
Lorong Pekan Menggatal  
88450 MENGGATAL

**Bahagian Pedalaman**

Kawasan Pemungutan: Bahagian Pedalaman (Daerah Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, Keningau, Tenom, Tambunan, Pensiangan dan Nabawan)

**RUDANG EXPRESS TRADING CO**

Peti Surat No. 11,762  
88819 KOTA KINABALU

**Bahagian Kudat**

Kawasan Pemungutan: Bahagian Kudat (Daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas)

**KABAU ENTERPRISE**

Peti Surat No. 63  
KOTA BELUD



#### 4. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini adalah untuk satu (1) tahun bermula **01 November 2007** sehingga **31 Oktober 2008**.

#### 5. TEMPOH PEMUNGUTAN

Kontraktor adalah dikehendaki memungut sendiri tayar-tayar lama yang tidak boleh digunakan lagi daripada semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri bagi kawasan dimana ianya dilantik setiap tiga (3) bulan sekali. Ketua-ketua Jabatan dinasihatkan supaya memberitahu kepada kontraktor jumlah tayar-tayar lama yang tidak boleh digunakan lagi yang mana ada didalam simpanan dan tempatnya sekali bagi memudahkan pihak kontraktor memungutnya nanti.

#### 6. SYARAT-SYARAT KHAS

- 6.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri hendaklah menjual tayar-tayar lama yang tidak boleh digunakan lagi (not serviceable) melalui kontrak ini tanpa perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pemeriksa untuk pelupusan.
- 6.2 Pihak kontraktor adalah dikehendaki memungut dan membayar harga semua tayar-tayar lama itu tidak termasuk tayar yang koyak, reput atau nampak benang.

#### 7. HASIL KERAJAAN

Hasil jualan tayar-tayar lama hendaklah dikreditkan kepada kod hasil di bawah tajuk pecahan kepala S00 0108 0006 (Jualan Harta Kerajaan dan Barang-Barang). Di samping itu semua Ketua Jabatan adalah dikehendaki mengemukakan satu laporan ke Kementerian ini mengenai penjualan tayar-tayar lama yang tidak boleh digunakan lagi dengan menggunakan borang **LAMPIRAN B**. Senarai harga jualan tayar-tayar lama berkenaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. **LAMPIRAN A** dan contoh Borang **B** dikepilkan.

#### 8. PENGGUNAAN KONTRAK

- 8.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah dikehendaki menggunakan kontrak ini sahaja dan penjualan di luar kontrak adalah dilarang. Sebarang penyelewengan dalam kontrak ini yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan, maka pegawai yang terlibat akan diambil tindakan yang sewajarnya.
- 8.2 Mana-mana tayar lama yang tidak tersenarai di **LAMPIRAN A** bolehlah dijual kepada mana-mana Syarikat melalui sebutharga biasa.
- 8.3 Dengan penggunaan kontrak ini juga, maka surat Pekeliling Bil: FC. 124/38/II Pt. IV/232 bertarikh 02 Januari 1996 bertajuk 'Membeli Dan Memungut Tayar-Tayar Lama Yang Tidak Boleh Digunakan Lagi Bagi


Tempoh Satu (1) Tahun Daripada Semua Kementerian, Jabatan Dan Badan Berkanun Negeri Sabah' adalah dengan ini dibatalkan.

**9. HAL-HAL LAIN**

Jika ada apa-apa masalah dalam pelaksanaan kontrak ini, semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Negeri Sabah adalah dinasihatkan supaya menghubungi Bahagian Perolehan Dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri dengan segera. Sila berhubung dengan Hj. Johran Hj. Kassim (No. Telefon: 088-253318) atau Encik Awang b. Selamat, ADK (No. Telefon: 017 8373602).

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**



**( DATUK YUSOFF BIN DATUK HJ. MOHD. KASSIM )**  
Setiausaha Tetap

LAMPIRAN A

SENARAI HARGA DAN PENENTUAN TAYAR-TAYAR LAMA YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN LAGI

BIL	UKURAN	HARGA SEUNIT ( RM )
1	155 x 12 x 4	5.50
2	500 x 12 x 4	5.50
3	500 x 12 x 6	5.50
4	520 x 12 x 4	5.50
5	550 x 12 x 4	5.50
6	550 x 12 x 6	5.50
7	7.00 x 12 x 4	11.00
8	7.00 x 12 x 10	11.00
9	155 x 13 x 4	5.50
10	165 x 13 x 4	5.50
11	175 x 13 x 4	5.50
12	185 x 13 x 4	5.50
13	165 x 70 x 13 x 4	5.50
14	560 x 13 x 4	5.50
15	640 x 13 x 4	5.50



**SENARAI HARGA DAN PENENTUAN TAYAR-TAYAR LAMA YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN LAGI**

<b>BIL</b>	<b>UKURAN</b>	<b>HARGA SEUNIT ( RM )</b>
16	165 x 14 x 4	5.50
17	174 x 14 x 4	5.50
18	185 x 14 x 4	5.50
19	185 x 70 x 14 x 4	5.50
20	195 x 70 x 14 x 4	5.50
21	600 x 14 x 4	11.00
22	600 x 14 x 8	11.00
23	640 x 14 x 4	11.00
24	640 x 14 x 8	11.00
25	700 x 14 x 6	11.00
26	165 x 15 x 4	5.50
27	HR78 – 15 (215HR15)	12.00
28	700 x 15 x 6	11.00
29	700 x 15 x 8	11.00
30	700 x 15 x 10	11.00
31	700 x 15 x 12	11.00
32	750 x 15 x 12	12.00

**SENARAI HARGA DAN PENENTUAN TAYAR-TAYAR LAMA YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN LAGI**

<b>BIL</b>	<b>UKURAN</b>	<b>HARGA SEUNIT ( RM )</b>
33	825 x 15 x 14	11.00
34	825 x 15 x 18	12.00
35	205 x 16 x 4	11.00
36	600 x 16 x 6	11.00
37	600 x 16 x 8	11.00
38	650 x 16 x 8	16.50
39	650 x 16 x 10	16.50
40	700 x 16 x 8	16.50
41	700 x 16 x 10	16.50
42	700 x 16 x 12	16.50
43	750 x 16 x 6	11.00
44	750 x 16 x 8	16.50
45	750 x 16 x 10	16.50
46	750 x 16 x 12	16.50
47	900 x 16 x 10	11.00
48	825 x 20 x 12	65.00
49	825 x 20 x 14	90.00
50	900 x 20 x 12	70.00
51	900 x 20 x 14	100.00

**SENARAI HARGA DAN PENENTUAN TAYAR-TAYAR LAMA YANG TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN LAGI**

<b>BIL</b>	<b>UKURAN</b>	<b>HARGA SEUNIT ( RM )</b>
52	1000 x 20 x 12	90.00
53	1000 x 20 x 14	132.00
54	1000 x 20 x 16	132.00
55	1100 x 20 x 12	110.00
56	1100 x 20 x 14	132.00
57	1100 x 20 x 16	165.00
58	1200 x 20 x 16	165.00
59	1400 x 20 x 14	55.00
60	1400 x 20 x 20	55.00
61	1300 x 24 x 12	55.00
62	1400 x 24 x 12	66.00
63	17.5 x 25 x 12	132.00
64	20.5 x 25 x 16	220.00
65	16.9 x 14 x 28 x 8	55.00
66	16.9 x 14 x 30 x 8	55.00
67	11.2 / 24 x 8	25.00
68	12.4 / 24 x 8	25.00
69	280 x 16 x 8	12.00



